

IMPAK PENGAJARAN DAN BIMBINGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP MOTIVASI DAN PEMBELAJARAN TERARAH KENDIRI PELAJAR

Muhamad Suhaimi Taat & Mohd Yusof Abdullah
Universiti Malaysia Sabah

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh variabel proses pengajaran dan bimbingan guru Pendidikan Islam terhadap motivasi dan pembelajaran terarah sendiri (PTK) pelajar sekolah menengah di negeri Sabah, Malaysia. Di samping itu juga kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan pengaruh variabel-variabel eksogenus terhadap variabel endogenus kajian berdasarkan lokasi (bandar dan luar bandar). Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan, melibatkan seramai 407 orang pelajar dari kawasan bandar (205 orang) dan luar bandar (202 orang). Kajian ini merujuk kepada Model Keupayaan Belajar Sendiri (Borkowski & Dukewich, 1996) sebagai model asas kerangka kajian ini. Data kajian dianalisis menggunakan analisis laluan (path analisis/SEM) dengan perisian AMOS Versi 4. Dapatan utama kajian menunjukkan proses pengajaran dan bimbingan guru mempengaruhi motivasi dan pembelajaran terarah sendiri (PTK) secara signifikan. Namun terdapat perbezaan pengaruh variabel-variabel tersebut berdasarkan lokasi. Analisis laluan model persamaan struktur (SEM) juga menunjukkan data yang digunakan dalam kajian ini mempunyai penyesuaian munasabah bagi model regresi yang dicadangkan. Justeru membuktikan ketiga-tiga variabel bebas tersebut mempunyai hubungan secara langsung dan tidak langsung dengan variabel bersandar kajian iaitu pembelajaran terarah sendiri (PTK). Diharapkan kajian ini akan dapat memberikan input berguna bagi penambahbaikan sistem pendidikan kebangsaan.

Pengenalan

Sekolah merupakan salah satu institusi pendidikan formal di mana pelajar akan belajar, diajar, dididik dan diasuh dengan pelbagai ilmu dan kemahiran yang secukupnya sebelum mampu berinteraksi secara berkesan dengan masyarakat dan menjalani kehidupan sebagai seorang insan yang boleh diharapkan dan menjadi anak bangsa Malaysia selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Shaffe, 2005). Malahan, Falsafah Pendidikan Islam juga menekankan aspek pendidikan secara holistik atau syumul. Di sekolah, para pelajar sepatutnya menerima pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran daripada guru Pendidikan secara amnya melalui proses pengajaran yang dilaksanakan secara formal dan juga tidak formal. Pengajaran formal yang berlaku dalam bilik darjah sememangnya telah dijangka untuk dilaksanakan dengan satu urutan proses yang lengkap bermula daripada awal hinggalah ke akhirnya. Walau bagaimanapun, bimbingan guru Pendidikan Islam terhadap pelajar di luar bilik darjah adalah sesuatu yang tidak formal dan tidak melalui satu proses yang sistematik. Perhubungan antara pelajar dengan guru khususnya dalam aspek bimbingan di luar bilik darjah amatlah penting kerana ia merupakan kesinambungan daripada apa yang telah di lalui di dalam bilik darjah (Amir Hassan, 2002).

Hakikatnya, proses pengajaran sama ada secara formal dan tidak formal, tidak akan berlaku dengan optimum jika individu yang bergelar pelajar tidak mempunyai motivasi diri yang tinggi untuk menuntut ilmu pengetahuan dan kemahiran daripada guru. Malah, keadaan akan menjadi lebih parah sekiranya nakhoda di dalam bilik darjah iaitu para guru, tidak menjalankan

tugas mengajar secara bersungguh-sungguh dan menggunakan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang bersesuaian dan bertepatan dengan isi dan objektif pelajaran. Guru merupakan penggerak dan pendorong kepada semua proses pengajaran yang berlaku dalam kalangan pelajar sama ada di dalam atau di luar kelas. Kedua-dua peranan sebagai penggerak dan pendorong tersebut adalah penting dalam usaha membantu pelajar meningkatkan keinginan untuk meneroka alam akademik yang ada kalanya melampaui batasan keupayaan mereka untuk belajar terutamanya di zaman era globalisasi ini (Stephens, & Crawley, 2002).

Justeru, guru Pendidikan Islam seharusnya menggunakan segala kemahiran mengajar yang ada untuk menarik minat pelajar, bukan sahaja untuk meneruskan proses pengajaran, malah untuk membantu pelajar melangkah batasan keupayaan agar dapat terus maju dalam bidang akademik dan ko-kurikulum. Implikasinya, sifat daya saing dapat dibina dan seterusnya meningkatkan kebolehan sendiri pelajar untuk terus maju dalam bidang yang diceburi. Menurut Noriah dan Nor Sakinah (2003), para pelajar akan dapat mengikuti proses pengajaran dengan lebih mudah jika tenaga pengajar yang mengajar prihatin terhadap perkembangan dan keperluan semasa. Keprihatinan tersebut merangkumi sikap positif terhadap keupayaan pelajar, mengambil berat tentang kesejahteraan mereka, menunjukkan sikap penyayang, mempunyai sikap yakin diri dalam melakukan proses pengajaran, serta memahami bahawa proses pengajaran harus berlaku secara dua hala. Bernier *et al.*, (2005) menjelaskan gaya pertautan pelajar adalah berbeza dan sudah tentu akan mempengaruhi motivasi dan minat pelajar untuk mengikuti sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Jenis gaya pertautan yang dimiliki pelajar juga akan mempengaruhi hubungan dengan guru dan rakan-rakan sebaya di sekolah.

Guru Pendidikan Islam juga sepatutnya akan sentiasa bersedia untuk membantu pelajar mereka belajar melalui kesilapan yang dilakukan. Guru-guru sedemikian dikatakan berkebolehan menyediakan tapak pembelajaran yang selamat dan kondusif untuk dialami pelajar semasa proses penerokaan pembelajaran (Noriah & Nor Sakinah, 2003). Tapak sedemikian digambarkan oleh Ainsworth (1989) sebagai *secure base* yang menjadi penggalak kepada pelajar untuk mahu terus mencuba meneroka pengetahuan dan kemahiran baharu walaupun dalam situasi yang agak asing atau baharu bagi pelajar. Grasha (1996), mencadangkan bahawa guru yang berkeyakinan mengajar akan lebih berminat untuk mewujudkan hubungan yang positif dan mesra dengan pelajar masing-masing. Guru sedemikian akan dapat menjalankan proses pengajaran dengan lebih berkesan kerana dapat diterima oleh pelajar dengan baik.

Di samping itu, sebenarnya majoriti guru Pendidikan Islam telah didedahkan dengan pelbagai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang bersesuaian untuk menarik perhatian pelajar dan menjadikan pengajaran lebih berkesan. Terdapat tiga jenis strategi yang biasanya diguna pakai, iaitu sama ada berpusatkan guru, berpusatkan pelajar, atau berpusatkan sumber (Sulaiman, 2001). Seterusnya daripada strategi yang telah dipilih itu, maka guru akan memilih pendekatan, kaedah dan teknik yang bersesuaian untuk diaplikasikan dalam sesuatu proses pengajaran. Pemilihan yang tepat adalah penting agar proses pengajaran yang dilaksanakan berkesan dan dapat menarik perhatian pelajar agar dapat menguasai sesuatu ilmu pengetahuan atau kemahiran yang disampaikan (Arends, 1998).

Pernyataan Masalah

Para pelajar di Malaysia, khususnya mereka yang belajar di sekolah menengah sama ada di sekolah menengah biasa, sekolah bestari, sekolah kluster dan yang terkini sekolah berprestasi tinggi (SBT) diharapkan berupaya melaksanakan pembelajaran terarah sendiri (PTK) yang tidak semata-mata bergantung kepada guru untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran

melalui proses pengajaran di dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, menurut Mohd Mahzan (2009), pelajar-pelajar di Malaysia masih lagi kurang berjaya melaksanakan pembelajaran terarah sendiri (PTK) berbanding dengan pelajar di negara-negara maju seperti di Amerika Syarikat dan di Eropah. Walaupun tidak adil untuk membandingkan negara kita yang merupakan sebuah negara membangun dengan sebuah negara maju seperti Amerika Syarikat, namun dakwaan tersebut harus diambil dan dipertimbangkan secara serius kerana menurut beberapa kajian menunjukkan tahap pembelajaran terarah sendiri (PTK) dalam kalangan pelajar sekolah atau institusi pengajian tinggi di negara kita masih berada di tahap yang belum memuaskan (Mohd Ery Johaizal, 2009; Rosnani, 2009). Menurut Tengku Sarina dan Faridah (2008) bimbingan dan tunjuk ajar guru adalah kritikal agar pelajar berupaya melaksanakan pembelajaran terarah sendiri (PTK). Ketidakupayaan untuk melaksanakan pembelajaran terarah sendiri dengan baik juga menyebabkan prestasi akademik pelajar menjadi tidak konsisten dan merosot (Sukseemung, 2009; Semmar, 2007).

Lebih malang lagi adalah apabila budaya '*spoon feeding*' di sekolah terbawa-bawa hingga pelajar tersebut melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi. Beberapa kajian, contohnya seperti yang telah dijalankan oleh Mohd Ery Johaizal (2009) menunjukkan bahawa antara faktor utama yang mempengaruhi pembelajaran terarah sendiri pelajar (PTK) adalah motivasi intrinsik pelajar itu sendiri. Motivasi intrinsik pula dipengaruhi faktor seperti pengajaran guru, interaksi guru dengan pelajar di luar bilik darjah, dan juga jenis gaya pertautan yang dimiliki pelajar. Walaupun banyak kajian yang mengaitkan pembelajaran terarah sendiri (PTK) dengan pembelajaran jarak jauh, namun sebenarnya konsep pembelajaran terarah sendiri (PTK) boleh diguna pakai untuk semua pelajar di mana-mana institusi dan tanpa mengira pembelajaran jarak jauh atau sepenuh masa (Mohd Azhar *et al.*, 2004). Pembelajaran terarah sendiri (PTK) merupakan salah satu elemen penting dalam konsep pembelajaran seumur hidup dan sememangnya membantu dalam proses untuk melahirkan pelajar cemerlang dalam pelbagai bidang bagi menyahut aspirasi negara. Menurut Knowles (1990), faktor utama yang mendorong pelajar untuk melaksanakan pembelajaran terarah sendiri (PTK) adalah motivasi intrinsik yang kuat.

Sorotan Literatur

Beberapa kajian yang telah dijalankan menunjukkan terdapat kelemahan pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam yang berpunca daripada pengajaran guru sama ada di bandar ataupun di luar bandar (Nik Rosila, 2007; Suhaimi, 2007; Mohd Yakub & Saidi, 2008). Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim *et al.*, (2007) menunjukkan bahawa pelajar berpendapat bimbingan yang diberikan oleh guru Pendidikan Islam mereka adalah pada tahap yang sederhana sahaja. Rata-rata pelajar sekolah menengah di Malaysia masih lagi kurang untuk bertemu dan berbincang dengan guru sesuatu mata pelajaran termasuklah Pendidikan Islam khususnya di luar bilik darjah untuk mendapatkan bimbingan berterusan. Keterbatasan interaksi dua hala ini akan menjadikan hubungan antara pelajar dan guru hanyalah satu hubungan formal di dalam bilik darjah, sedangkan untuk membentuk sahsiah, personaliti, dan gaya pertautan pelajar, hubungan antara kedua-duanya haruslah dieratkan lagi agar peranan guru sebagai *role-model* dapat dilaksanakan.

Isu motivasi belajar ini adalah amat penting kerana motivasi yang akan menggerakkan seseorang itu untuk bergerak maju ke hadapan tidak kira dalam apa jua yang dilakukan. Salah satu cara pelajar sekolah boleh dimotivasikan adalah dengan cara seseorang guru itu melaksanakan proses pengajaran yang menarik dan berkesan, dan diperteguhkan lagi dengan interaksi dan

bimbingan yang berterusan di luar bilik darjah (Bye *et al.*, 2007). Prestasi pelajar yang merosot biasanya dikaitkan dengan motivasi pelajar yang rendah. Tidak kira di dalam atau di luar negara, masalah ini wujud terutamanya dalam kalangan pelajar berasal dari luar bandar atau kawasan pedalaman (Siti Masayu Rosliah, 2008). Justeru, bimbingan yang berterusan serta interaksi positif yang berlaku antara guru dan pelajar akan berupaya meningkatkan motivasi pelajar. Beberapa kajian menunjukkan betapa pentingnya interaksi bersemuka di antara guru dan pelajar dalam proses pengajaran. Kajian oleh Ismail (1992), mendapati bahawa para pelajar yang belajar secara jarak jauh, yang jarang-jarang bersemuka dengan pensyarah, memiliki tahap keyakinan diri yang rendah dan kurang bermotivasi dalam pembelajaran mereka. Keadaan tersebut menunjukkan betapa pentingnya interaksi bersemuka dan bersifat dua hala antara pelajar dan pengajar agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lebih baik dan berkesan.

Tokoh Islam dalam bidang sosiologi yang tersohor iaitu Ibnu Khaldun dalam karya agungnya ‘Muqaddimah’ menjelaskan kepentingan pendidikan yang berupaya mengubah potensi manusia. Walaupun lebih terkenal sebagai ahli sosiologi dan sejarah, melalui pengalamannya yang luas sebagai pendidik dan sebagai penganalisis yang sangat teliti tentang realiti masyarakat dan pendidikan pada zamannya, Ibnu Khaldun membangunkan teori-teori pendidikan Islam yang dicurahkan dalam karyanya tersebut (Shahrul Riza, 2008). Antara pandangan beliau yang berkaitan dengan sosiologi pendidikan ialah menurut beliau dengan potensi yang sedia ada, manusia akan dapat berinteraksi sesama mereka untuk kesejahteraan hidup bersama. Sebenarnya Ibnu Khaldun telah menjelaskan lebih awal berkaitan gaya pertautan yang diwarisi atau diperoleh daripada ibu bapa atau penjaga yang memelihara bayi atau kanak-kanak. Malah Ibnu Khaldun juga menjelaskan kepentingan seseorang itu mempunyai hubungan yang baik dan positif dengan ibu bapa, guru dan orang sekeliling yang boleh memberikan kesan yang positif. Antaranya beliau menyatakan:

“... barang siapa yang tidak mempunyai perilaku yang diperlukan dalam hubungannya dengan insan lain daripada ibu bapanya termasuk gurunya dan orang-orang yang lebih tua dan tidak mempelajari hal-hal itu daripada mereka, terpaksa mempelajarinya melalui bantuan semula jadi daripada peristiwa-peristiwa yang terjadi sepanjang masa. Maka masa akan mengajarkan dan mendidiknya sebab dia memerlukan pendidikan kerana, melalui sikap semula jadinya, dia menginginkan kerjasama orang lain”.

(Ibnu Khaldun, 2009; 531)

Beliau juga menjelaskan dalam karyanya bahawa pengaruh luar atau faktor persekitaran akan mempengaruhi dan mungkin boleh mengubah kanak-kanak yang membesar hingga ke peringkat dewasa. Ibnu Khaldun menggunakan istilah ‘fitrah’ sebagai potensi-potensi asas yang mengalami perubahan setelah mendapat rangsangan atau pengaruh dari luar. ‘Fitrah ‘ itu sendiri tidak akan berkembang tanpa pengaruh persekitaran yang mungkin dapat mengubah secara drastik ‘fitrah’ tersebut. Maksudnya, ‘fitrah’ manusia yang dibawa sejak lahir mengarah kepada kebaikan, namun persekitaran merupakan faktor penentu bagi kecenderungan watak, sifat, dan perilaku manusia. Justeru persekitaran di sekolah haruslah dimanipulasi sepenuhnya oleh guru Pendidikan Islam untuk memberikan bimbingan atau nasihat, dan seterusnya sahshiah atau personaliti yang positif dan mulia. Ibnu Khaldun juga menyarankan agar proses pendidikan dilaksanakan dengan cara lemah lembut dan berhikmah. Seperti mana Imam al-Ghazali, Ibnu Khaldun juga menekankan aspek hubungan positif antara guru dan pelajar serta aspek kebersihan hati dan jiwa murid dalam proses pengajaran (Ibnu Khaldun, 2009). Karya beliau telah membahaskan isu pendidikan khususnya hubungan antara guru dengan pelajar dan proses

pengajaran dengan begitu mendalam yang sebenarnya secara langsung telah mendahului teori interaksionisme yang dipelopori oleh sarjana Barat.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh variabel proses pengajaran dan bimbingan guru Pendidikan Islam terhadap motivasi dan pembelajaran terarah sendiri (PTK) pelajar. Objektif seterusnya adalah untuk melihat perbezaan pengaruh variabel bebas (eksogenus) terhadap variabel bersandar (endogenus) berdasarkan lokasi responden (bandar dan luar bandar).

Hipotesis Kajian

H_a^1 : Data yang digunakan dalam kajian ini mempunyai penyesuaian munasabah yang signifikan bagi model yang dicadangkan.

H_a^2 : Terdapat perbezaan pengaruh yang signifikan variabel proses pengajaran, dan bimbingan guru terhadap motivasi dan pembelajaran terarah sendiri (PTK) pelajar berdasarkan lokasi.

Definisi Operasional

Proses Pengajaran

Dalam kajian ini, proses pengajaran guru merujuk kepada persepsi pelajar terhadap keseluruhan proses pengajaran yang sepatutnya dilaksanakan oleh seorang guru Pendidikan Islam dari awal hinggalah akhir. Pelajar akan memberi maklum balas terhadap instrumen berkaitan persepsi terhadap proses pengajaran guru dari pelbagai aspek dari awal permulaan pengajaran, langkah-langkah pengajaran, penggunaan penegasan dan pengukuhan, kejelasan pengajaran, teknik penyediaan, dan sehinggalah sesi penutup yang sepatutnya dilaksanakan oleh seorang guru yang cekap dan berkesan. Sesuatu proses pengajaran menggabungkan pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran untuk mencapai kesan pengajaran yang optimum. Menurut Parrot (1986) dan Oesterle (2008), proses pengajaran yang baik hendaklah melibatkan kemahiran asas pengajaran mikro, iaitu daripada set induksi sehinggalah ke penutup agar dapat menghasilkan kesan pengajaran pembelajaran yang optimum.

Bimbingan Guru

Dalam kajian ini, bimbingan guru merujuk kepada sejauh mana kesediaan guru untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan berterusan kepada para pelajar ketika berada di luar bilik darjah. Selain itu, ia juga merujuk kepada bagaimana interaksi dan layanan guru terhadap masalah atau persoalan yang ditimbulkan oleh pelajar sama ada memberikan respons dengan baik atau sebaliknya.

Motivasi

Menurut Hebb dan Donderi (1987), motivasi didefinisikan sebagai suatu bahagian di dalam sistem saraf yang boleh mengenal pasti tingkah laku semula jadi dan arah tingkah laku. Ia

merupakan daya yang mengerak dan mengekalkan tingkah laku serta menjelaskan kenapa sesuatu tingkah laku tertentu muncul pada satu-satu masa dan bukan tingkah laku yang lain. Menurut Koeswara (1995), penyelidikan berkaitan motivasi manusia menunjukkan bahawa ada masanya manusia bertingkah laku secara tidak rasional dan tingkah laku mereka dipengaruhi matlamat yang tidak disedari. Walau bagaimanapun, kebanyakan tingkah laku manusia diarahkan kepada matlamat dan sekurang-kurangnya rasional dari kaca mata orang yang berkenaan. Dalam kajian ini motivasi merujuk kepada kesungguhan pelajar untuk belajar sama ada semasa mereka berada di sekolah atau pun di mana-mana sahaja. Di samping itu, motivasi dalam kajian ini melihat kepada aspek minat dan keseronokan mereka terhadap pembelajaran sendiri. Dalam kajian ini juga, hanya motivasi intrinsik sahaja yang akan dikaji dan dilihat kerana ia mempunyai hubungan secara langsung dengan variabel bersandar kajian iaitu pembelajaran terarah sendiri (PTK) dan variabel-variabel bebas yang lain.

Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK)

Dalam kajian ini, pembelajaran terarah sendiri (PTK) merujuk kepada situasi pembelajaran yang pelajar laksanakan sendiri semasa mereka berada di luar bilik darjah secara tidak formal sama ada di sekolah, di rumah, di perpustakaan atau di mana-mana sahaja. Aspek utama yang dikaji ialah keupayaan melaksanakan pembelajaran sendiri (*self-learning*) seperti aspek kesediaan untuk belajar sendiri, mengetahui strategi pembelajaran yang sesuai buat diri mereka, dan sebagainya. Di samping itu juga melibatkan aspek pembelajaran berkumpulan (*group learning/discussion*) seperti perkongsian maklumat dengan rakan-rakan, interaksi dalam kumpulan, dan lain-lain. Menurut Grow (1991), pembelajaran kumpulan juga merupakan salah satu daripada ciri pelajar yang mampu untuk melaksanakan pembelajaran terarah sendiri (PTK) dengan baik.


Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan untuk mengumpul data dengan menggunakan borang soal selidik. Kesemua item telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya. Instrumen proses pengajaran diadaptasi daripada instrumen Sarimah (2004) dan Muhamad Suhaimi (2005); motivasi (Deci & Ryan, 2000); PTK (Findley, 2009) dan (Williamson, 2007). Manakala instrumen bimbingan guru telah dibina oleh penyelidik dengan melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan yang ketat. Responden adalah pelajar Pendidikan Islam sekolah menengah di kawasan bandar (Kota Kinabalu) dan luar bandar (Keningau) seramai 407 orang yang dipilih daripada jumlah populasi keseluruhan seramai 4349 orang, dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan dan rawak mudah. Penyelidik menggunakan analisis *Structural Equation Model (SEM)* dengan perisian *AMOS 4.0* untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian.

Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis laluan model persamaan struktur (*path analysis/SEM*) menggunakan perisian *AMOS 4.0* menunjukkan bahawa kerangka kajian yang dibina bagi kajian ini mempunyai penyesuaian munasabah yang signifikan. Analisis menunjukkan motivasi merupakan variabel utama yang mempengaruhi variabel Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) sama ada di bandar dan luar bandar. Maka dapatan mediator ini telah memenuhi syarat-syarat penetapan variabel mediator oleh Baron dan Kenney (1986). Justeru H_a^1 iaitu '*Data yang digunakan dalam kajian ini*


mempunyai penyesuaian munasabah yang signifikan bagi model yang dicadangkan' diterima. Analisis lengkap boleh dirujuk kepada Rajah/Jadual 1 dan 2 berikut:



RAJAH 1: Model Bandar

JADUAL 1: Pengukuran Kebagusan Penyesuaian Model (*GFI*) Responden di Bandar

Bil	Pengukuran Kebagusan Penyesuaian (<i>GFI</i>)		Pekali/Indeks
1	<i>CMINDF</i>	<3.00	1.553
2	<i>RMSEA</i>	<0.08	0.037
3	<i>GFI</i>	>0.80	0.996
4	<i>AGFI</i>	>0.80	0.962
5	<i>NFI</i>	>0.80	0.993



RAJAH 2: Model Luar Bandar

JADUAL 2: Pengukuran Kebagusan Penyesuaian Model (*GFI*) Responden di Luar Bandar

Bil	Pengukuran Kebagusan Penyesuaian (<i>GFI</i>)		Pekali/Indeks
1	<i>CMINDF</i>	<3.00	0.097
2	<i>RMSEA</i>	<0.08	0.001
3	<i>GFI</i>	>0.80	1.000
4	<i>AGFI</i>	>0.80	0.998
5	<i>NFI</i>	>0.80	1.000

Keputusan ujian analisis laluan model persamaan struktur (*SEM*) bagi responden di bandar menunjukkan ukuran *chi-square / df*=1.553 (nilai minimum adalah di bawah 3), *Root Mean Square Error Approximation (RMSEA)*=0.037 (nilai minimum adalah kurang daripada 0.08), *Goodness of Fit Index (GFI)*=0.996 (nilai menghampiri 1 adalah lebih baik), dan ukuran *Adjusted Goodness of Fit Index (AGFI)* =0.962 (nilai melebihi 0.9 adalah baik). Kesemua jenis ukuran penilaian yang digunakan menunjukkan bahawa data yang digunakan dalam kajian ini terbukti mempunyai penyesuaian munasabah bagi model yang dicadangkan.

Seterusnya, keputusan ujian analisis laluan model persamaan struktur (*SEM*) bagi responden di luar bandar menunjukkan ukuran *chi-square / df*=0.097 (nilai minimum adalah di bawah 3), *Root Mean Square Error Approximation (RMSEA)*=0.001 (nilai minimum adalah kurang daripada 0.08), *Goodness of Fit Index (GFI)*=1.000 (nilai menghampiri 1 adalah lebih baik), dan ukuran *Adjusted Goodness of Fit Index (AGFI)* =0.998 (nilai melebihi 0.9 adalah baik). Kesemua jenis ukuran penilaian yang digunakan menunjukkan bahawa data yang digunakan dalam kajian ini terbukti mempunyai penyesuaian munasabah bagi model yang dicadangkan.

Berdasarkan Rajah 1 (bandar), keputusan analisis laluan model persamaan struktur (*SEM*) menunjukkan bahawa model regresi yang dicadangkan adalah sesuai, di mana hanya variabel pengajaran guru merupakan variabel peramal yang signifikan bagi variabel motivasi (Pengajaran: $\beta=0.37$, $C.R.=4.33$, $p=0.001$). Dapatan analisis juga menunjukkan variabel motivasi dan pengajaran guru merupakan variabel peramal yang signifikan bagi variabel pembelajaran terarah sendiri (PTK) (Motivasi: $\beta=0.44$, $C.R.=7.13$, $p=0.001$; Pengajaran: $\beta=0.23$, $C.R.=3.66$, $p=0.001$). Secara keseluruhannya, keputusan analisis laluan model persamaan struktur (*SEM*) menunjukkan bahawa nilai varians dalam variabel endogenus pembelajaran terarah sendiri (PTK) yang diramalkan oleh variabel-variabel eksogenus yang terlibat ialah 0.33. Maka menunjukkan bahawa 33% varians dalam pembelajaran terarah sendiri diramalkan oleh kesemua variabel bebas kajian. Justeru bererti terdapat 0.67 atau 67% varians dalam variabel pembelajaran terarah sendiri yang tidak dapat diramalkan oleh model regresi ini.

Sementara itu, berdasarkan Rajah 2 (luar bandar), keputusan analisis laluan model persamaan struktur (*SEM*) menunjukkan bahawa model regresi yang dicadangkan juga adalah sesuai, di mana hanya variabel bimbingan guru merupakan variabel peramal yang signifikan bagi variabel motivasi (Bimbingan: $\beta=0.22$, $C.R.=2.64$, $p=0.008$). Dapatan analisis juga menunjukkan variabel motivasi dan pengajaran guru merupakan variabel peramal yang signifikan bagi variabel pembelajaran terarah sendiri (PTK) (Motivasi: $\beta=0.49$, $C.R.=8.82$, $p=0.001$; Pengajaran: $\beta=0.32$, $C.R.=5.72$, $p=0.001$). Secara keseluruhannya, keputusan analisis laluan model persamaan struktur (*SEM*) menunjukkan bahawa nilai varians dalam variabel endogenus pembelajaran terarah sendiri (PTK) yang diramalkan oleh variabel-variabel eksogenus yang terlibat ialah 0.42. Maka menunjukkan bahawa 42% varians dalam pembelajaran terarah sendiri diramalkan oleh kesemua variabel bebas kajian. Justeru bererti terdapat 0.58 atau 58% varians dalam variabel pembelajaran terarah sendiri yang tidak dapat diramalkan oleh model regresi ini. Maka, seperti mana juga dengan model di bandar sebelum ini, varians ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor luar lain yang tidak dikenal pasti melalui kajian ini. Justeru H_a^2 iaitu '*Terdapat perbezaan pengaruh yang signifikan variabel proses pengajaran, bimbingan, dan motivasi terhadap pembelajaran terarah sendiri (PTK) pelajar berdasarkan lokasi*' diterima.

Perbincangan

Kajian ini menunjukkan dengan jelas bahawa terdapat variabel berbeza yang mempengaruhi motivasi pelajar di kawasan bandar dan luar bandar. Di kawasan bandar, variabel pengajaran guru

Pendidikan Islam mempengaruhi motivasi pelajar secara signifikan. Namun di kawasan luar bandar, variabel bimbingan guru Pendidikan Islam pula yang mempengaruhi motivasi pelajar secara signifikan. Dapatan tersebut menyokong dapatan kajian lalu oleh LeJeune (2002) dan yang mendapati terdapat variabel berbeza yang mempengaruhi pembelajaran terarah sendiri (PTK) pelajar. Bagaimanapun, variabel sama yang mempengaruhi pembelajaran terarah sendiri (PTK) pelajar sama ada di kawasan bandar dan luar bandar iaitu motivasi dan pengajaran guru. Berdasarkan model-model kajian, pelajar di bandar berpendapat pengajaran guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah adalah lebih penting untuk memotivasikan mereka berbanding bimbingan guru Pendidikan Islam di luar bilik darjah. Sebaliknya di luar bandar, pelajar berpendapat bimbingan guru Pendidikan Islam di luar bilik darjah adalah lebih penting untuk memotivasikan mereka berbanding pengajaran guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah. Dapatan ini berkemungkinan disebabkan perbezaan faktor persekitaran pelajar di kedua-dua kawasan. Pelajar di bandar boleh mendapatkan bimbingan daripada kelas-kelas tuisyen di luar sekolah berbanding dengan pelajar di luar bandar yang sememangnya bergantung sepenuhnya kepada guru-guru Pendidikan Islam sama ada di dalam atau pun di luar bilik darjah untuk memotivasikan mereka. Dapatan ini adalah selari dengan beberapa kajian lalu mendapati pelajar inginkan bukan sahaja pengajaran yang berkesan, malah dahagakan bimbingan berterusan daripada guru Pendidikan Islam di luar bilik darjah (Bernier *et al.*, 2005). Dapatan ini juga dipersetujui oleh Abdul Halim dan Mohamad Khairul Azman (2010) yang merumuskan bahawa guru Pendidikan Islam seharusnya memainkan peranan sebagai ‘mualim’ sejati dengan bukan sahaja melaksanakan pengajaran berkesan di dalam kelas, malah memberikan bimbingan berterusan di luar kelas.

Namun begitu, terdapat beberapa persamaan antara model bandar dan luar bandar. Persamaan yang pertama adalah terdapat hubungan yang sederhana kuat antara variabel pengajaran dan bimbingan guru Pendidikan Islam. Dapatan ini menjelaskan kepada kita bahawa betapa pentingnya diintegrasikan aspek pengajaran guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah dengan aspek bimbingan guru Pendidikan Islam di luar bilik darjah untuk memotivasikan pelajar dan memacu pembelajaran terarah sendiri (PTK) mereka. Persamaan seterusnya adalah variabel motivasi pelajar dan pengajaran guru merupakan dua variabel yang mempengaruhi pembelajaran terarah sendiri (PTK) pelajar secara signifikan. Maka menjelaskan bahawa di samping memiliki motivasi dalaman yang tinggi, aspek pengajaran guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah juga adalah begitu kritikal diberikan penekanan di sekolah agar pelajar dapat melaksanakan pembelajaran terarah sendiri (PTK) dengan berkesan.

Kesimpulan

Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa aspek pengajaran guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah dan juga aspek bimbingan guru Pendidikan Islam di luar bilik darjah perlu diberi perhatian oleh warga pendidik dalam konteks meningkatkan motivasi pelajar. Ini adalah penting kerana hanya dengan memiliki motivasi intrinsik yang tinggi akan menjadi pemangkin kepada keupayaan seseorang pelajar itu untuk melaksanakan pembelajaran terarah sendiri (PTK) dengan baik dan berkesan. Elemen pembelajaran terarah sendiri (PTK) telah terbukti dapat memberikan impak yang begitu signifikan kepada kejayaan seseorang pelajar khususnya dalam bidang akademik. Kesepaduan aspek pengajaran dan bimbingan berkesan, bersama-sama dengan motivasi dan keupayaan pembelajaran terarah sendiri (PTK) pelajar yang baik akan dapat menyumbang kepada melahirkan modal insan seperti yang diaspirasikan dalam Falasafah Pendidikan Kebangsaan.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Hamzah, dan Masribanun Duki. 2007. Penilaian Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Amalan Kepimpinan Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan*. 1(2): 33-47.
- Ab. Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak, Kamarulzaman Abdul Ghani, dan Zarin Ismaili. 2010. Penilaian Pelajar-Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah-Sekolah Menengah di Malaysia. *Kertas Prosiding Persidangan Serantau Pendidikan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'alim. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2(1):43-56.
- Ainsworth, M.D.S. 1989. Attachment beyond infancy. *American Psychologist*. 44:709-716.
- Amir Hasan Dawi. 2002. *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan*. Edisi ke-2. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Arends, R.I. 1998. *Learning to Teach*. Boston: Mc Graw Hill.
- Baron, R.M. and Kenny, D.A. 1986. The Moderator-Mediator Variable Distinction in Social Psychological Research: Conceptual, Strategic, and Statistical Considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*. 51(6):1175-1182.
- Bernier, A., Larose, S., dan Soucy, N. 2005. Academic Mentoring College: The Interactive Role of Student's and Mentor's Interpersonal Dispositions. *Research in Higher Education*. 46(1): 29-53.
- Bye, D., Pushkar, D. and Conway, M. 2007. Motivation, Interest and Positive Affect in Traditional and NonTraditional Undergraduate Students. *Adult Education Quarterly*. 57(2):141-158.
- Deci, E.L. and Ryan, R.M. 2000a. *Intrinsic Motivation Inventory (IMI)*. University of Rochester.
- Findley, B.W. 2009. *The Relationship of Self-Directed Learning Readiness to knowledge-based and performed-based measures of success in third-year medical students*. Ph.D. Dissertation. Florida Atlantic University.
- Grasha, A.F. 1996. *Teaching with styles*. Cincinnati: Allience Pub.
- Grow, G. 1991. Teaching learners to be self-directed: A stage approach. *Adult Education Quarterly*. 41(3):125-149.
- Hebb, M. and Donderi, W. 1987. *Textbook of Psychology*. (4th Edition). Illinois: Human Kinetic Pub. Inc.
- Ibnu Khaldun. 2009. *Mukaddimah*. Terj. DBP. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, A.G.H. 1992. Face to Face and Distance Learning in Sri Lanka: Contradictory or Complementary. *Paper presented at The Annual Conference of the Asian Association of Open Universities*, September 17-18, 1991 Colombo, Sri Lanka. 1-8.
- Koeswara, E. 1995. *Motivasi Teori dan Penelitiannya*. Bandung: Penerbit Angkasa
- Knowles, M.S. 1990. *The adult learner: a neglected species*. (4th edition). Houston: Gulf Publishing Company.
- LeJeune, N.F. 2002. *Problem-based learning instruction versus traditional instruction on self-directed learning, motivation, and grades of undergraduate computer science students*. Ph.D. Thesis. University of Colorado.
- Mohd Azhar Abdul Hamid, Paimah Atoma, Muhamed Fauzi Othman, dan Mohd Nasir Markom. 2004. *Andragogi mengajar Orang Dewasa Belajar*. Bentong: PTS Publications.

- Mohd Ery Johaizal Ramli. 2009. *Hubungan Antara Tahap Kesiapan Pembelajaran Arahan Kendiri dengan Tahap Penggunaan E-Pembelajaran di Kalangan Pelajar UTHM*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Mahzan Awang. 2009. Cara Finland martabatkan guru. *Utusan Malaysia*. 16 Disember: 7.
- Mohd Yakub @ Zulkifli Hj. Mohd Yusof dan Saidi Mohd. 2008. Keupayaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian di Beberapa Buah Sekolah menengah Terpilih di Negeri Terengganu. *AL-BAYAN Journal of Al-Quran dan al-Hadis*. 6:53-85.
- Muhamad Suhaimi bin Taat. 2004. *Hubungan Pengajaran Amali Dalam Pendidikan Islam dengan Pelaksanaan Ibadah Solat Guru Pelatih, Satu Kajian di Maktab Perguruan Keningau, Sabah*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- Nik Rosila Nik Yaacob. 2007. Penguasaan Jawi dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. 22: 161-172.
- Noriah Mohd Ishak dan NorSakinah Mohamad. 2003. Kesan Interaksi antara Gaya Pertautan dan Komitmen. *Jurnal Pendidikan*. 28:91-103.
- Oesterle, M. 2008. *Students Perceptions of Effective Teaching*. Ph.D. Dissertation. Arizona State University.
- Parrot, E. 1986. *Effective teaching*. (7th edition). London and New York: Longman.
- Rosnani Hashim. 2009. Menghidupkan Semula Pedagogi Inkuiri Falsafah di Kalangan Pendidik dan Pelajar Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*. 13(2):13-28.
- Sarimah Abd Razak. 2005. *Motivasi, Gaya Pembelajaran dan Kebolehan Kognitif Pelajar Sek Men Teknik*. Tesis Ph.D. Universiti Putra Malaysia.
- Shaffe Mohd Daud. 2005. Pendidikan Jarak Jauh: Satu Daripada Aspek Penting Dalam Pelaksanaan Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS). *Jurnal Pendidikan Guru*. 17:1-10.
- Shahrul Reza. 2008. *Konsep Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Ibnu Khaldun: Suatu Kajian Terhadap Elemen-elemen Kemasyarakatan Islam*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Stephens, P. dan Crawley, T. 2002. *Becoming an effective teacher*. UK: Nelson Thornes Ltd.
- Sulaiman Ngah Razali. 1996. *Analisis Data dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Ngah Razali. 2001. *Pedagogi, Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid. 2008. *Peluang dan Cabaran Pendidikan dalam Kalangan Masyarakat Luar Bandar: Satu Kajian Kes Isi Rumah Melayu Miskin di Jajahan Bachok Kelantan*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Sukseemuang, P. 2009. *Self-directedness and academic success of students enrolling in hybrid and traditional courses*. Ph.D. Dissertation. Oklahoma University.
- Semmar Yassir. 2007. Adult learners and academic achievement: The roles of self-efficacy, self-regulation, and motivation. *Adult Learners*. 1(1):1-23.
- Suhaimi Muhamad. 2007. *Tahap Kesiapan Guru Terhadap Pelaksanaan Modul Pengajaran Simulasi Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Faridah Che Husain. 2008. Pendekatan Individu Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *Jurnal Usuluddin*. 27:141-156.
- Williamson, S.N. 2007. Development of a self-rating scale of self-directed learning. *Nurse Researcher*. 14 (2):66-83.